



BOOKING HOLDINGS

B. P. Q. R. K. O.

Tatakelakuan



**"Setiap orang bertanggungjawab secara peribadi untuk mematuhi Tatakelakuan tersebut dan ini bermula dengan saya. Tatakelakuan ini terpakai kepada kita semua dan terpakai sepanjang masa."**

## TATAKELAKUAN KITA, KOMITMEN KITA

Kepada pasukan kita di seluruh dunia,

Kita memimpin perniagaan global luar biasa secara kolektif yang menyentuh kehidupan berjuta-juta individu setiap hari. Misi kita adalah untuk **Memudahkan Semua Orang Mengalami Dunia**, tetapi ini tidak ada maknanya jika kita tidak mencapainya dengan tujuan dan mengamalkan nilai kita.

Nilai kita merupakan prinsip yang memberi kita tujuan. Melalui komitmen kita dalam membina budaya yang pelbagai dan terangkum, kita mengamalkan nilai *Kepelbagaian Menguatkan Kita*. Kita berbangga dapat mengambil pekerja di lebih 70 negara merentasi banyak jenama kita dan kita percaya kepelbagaian ini merupakan bahagian utama yang menjadikan Syarikat dan jenama kita unik. Kita komited untuk mendengar, belajar dan membentuk persekitaran kerja yang bebas daripada prejudis dan diskriminasi. **Semua ini merupakan sebahagian daripada komitmen kolektif kita terhadap nilai Integriti Mutlak kita — ikatan yang menyatukan kita dan ditenun dalam segala tindakan yang kita lakukan.** Ikatan ini bukan sahaja termaktub dalam nilai kita, tetapi juga Tatakelakuan kita yang menuntut kita bertanggungjawab akan tindakan dan keputusan kita.

Tatakelakuan kita lebih daripada panduan tentang undang-undang dan standard etika kita. Tatakelakuan ini perjanjian yang merupakan persetujuan antara saya, anda dengan masyarakat kita. Tatakelakuan kita memberitahu anda tentang perkara yang boleh anda jangkakan daripada Syarikat dan rakan sekerja anda dan Tatakelakuan ini memberitahu anda tentang perkara yang dijangkakan oleh Syarikat dan rakan sekerja terhadap anda.

Setiap orang bertanggungjawab secara peribadi untuk mematuhi Tatakelakuan tersebut dan ini bermula dengan saya. Tatakelakuan ini terpakai kepada kita semua dan terpakai sepanjang masa.

Saya menggalakkan anda membacanya dengan teliti untuk memastikan anda memahami perkara yang saya minta daripada anda sebagai seorang pekerja. Sekiranya anda mempunyai soalan tentang komitmen kita terhadap Tatakelakuan itu, jangan teragak-agak untuk bertanya pengurus anda, Pegawai Pematuhan, Duta Etika atau saya.

Penting bagi saya bahawa jika anda melihat sesuatu yang tidak betul berlaku atau anda mempunyai soalan, anda akan **bersuara**. Kami berjanji akan menyediakan persekitaran selamat yang menyokong kepercayaan dan ketulusan untuk anda. Kami tidak akan bertolak ansur terhadap tindakan balas terhadap sesiapa yang mengemukakan kebimbangan secara suci hati.

Terima kasih atas dedikasi, usaha keras dan komitmen anda yang berterusan untuk memupuk budaya berintegriti tinggi dan menghayati moto dan slogan kita: *Hasil yang Diingini dengan Cara yang Betul*,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Glenn Fogel".

**Glenn Fogel**

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

# NILAI KITA



## PELBAGAI PENGALAMAN UNTUK SEMUA.

Kita percaya bahawa dengan lebih memudahkan semua orang untuk mengalami dunia, kita memainkan peranan untuk menjadikan kemanusiaan lebih baik.



## INOVASI YANG BERTERUSAN.

Kita tidak sepatutnya berasa berpuas hati dengan keadaan yang sedia ada, mulakan hari anda setiap hari dengan soalan ini - bagaimakah kita akan berinovasi pada hari ini?



## INTEGRITI MUTLAK.

Kita juga akan sentiasa berusaha untuk melakukan perkara yang betul dan mencapai kejayaan dengan integriti dan kebertanggungjawapan.



## PERBEZAAN MEMBERI KITA KEKUATAN.

Kita benar-benar komited kepada kepelbagaian idea, individu dan pengalaman.



## JUMLAHNYA LEBIH BESAR DARIPADA BAHAGIAN KITA.

Kekuatan kita terletak pada warga kerja kita dan kejayaan kita bergantung pada keupayaan kita untuk bekerja sebagai satu pasukan agar berjaya dalam misi kita untuk memudahkan semua orang mengalami dunia.

# THE RIGHT RESULTS THE RIGHT WAY

**Booking Holdings ialah penyedia perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan berkaitan dalam talian yang terkemuka di dunia, disediakan kepada pengguna dan rakan kongsi tempatan di lebih daripada 220+ buah negara dan wilayah melalui enam jenama bersemuka pengguna yang utama: Booking.com, Priceline, Agoda, Rentalcars.com, KAYAK dan OpenTable. Secara kolektif, Booking Holdings beroperasi dalam lebih daripada 40 bahasa di seluruh Eropah, Amerika Utara, Amerika Selatan, rantau Asia Pasifik di Timur Tengah dan Afrika.**



## KANDUNGAN

Pengenalan .....	5
Pelaporan dan Penyiasatan .....	9
Perasaan Hormat di Tempat Kerja .....	13
Alam Sekitar, Sosial & Tadbir Urus (ESG) .....	17
Antisogokan dan Antirasuah .....	21
Integriti dan Pelaporan Kewangan .....	24
Hadiah dan Konflik Kepentingan .....	29
Persaingan Adil dan Antitrust .....	34
Perdagangan Antarabangsa .....	36
Perdagangan Orang Dalam .....	38
Privasi dan Keselamatan Data .....	40
Perlindungan Aset Syarikat .....	42
Urus Niaga Adil .....	45
Media Sosial dan Komunikasi Awam .....	47
Kesimpulan .....	49

*Nota tentang pemilihan gambar dalam Tatakelakuan: Gambar halaman pemisah dipilih kerana gambar ini menampilkan individu yang menikmati beberapa lokasi mengagumkan di tempat kita menyediakan kemudahan penginapan, penerbangan, tempahan restoran dan kereta sewa.*



# PENGENALAN

Terokai semua warna, corak, bau, tempat dan kisah di Fez.  
#bazaarmorocco #marketplacefinds

FEZ, MAGHRIBI

## TUJUAN TATAKELAKUAN KITA

Kita komited untuk menjalankan perniagaan secara beretika, secara sah dan dengan cara yang secara konsisten menggambarkan slogan kita untuk mencapai *Hasil yang Diingini dengan Cara yang Betul*.

Tatakelakuan ini ("Tatakelakuan") meringkaskan keperluan undang-undang, etika dan kawal selia serta dasar yang mentadbir urus perniagaan global kita dalam beberapa bahagian yang penting. Tatakelakuan ini juga mengandungi maklumat tentang cara untuk melaporkan kemungkinan pelanggaran atau mendapatkan bimbingan tambahan apabila diperlukan.

Tatakelakuan ini tidak bertujuan untuk meliputi setiap isu atau situasi yang mungkin anda hadapi. Sebaliknya, Tatakelakuan ini bertujuan untuk digunakan sebagai panduan seiring dengan [Dasar](#) Syarikat yang lebih terperinci dan [Buku Panduan Pekerja](#) anda. Jika anda tidak pasti tentang cara mengendalikan situasi tertentu, **bertanya sebelum bertindak** dan berbincang dengan pengurus anda atau salah satu sumber yang diperihalkan dalam Tatakelakuan ini.

## SKOP TATAKELAKUAN KITA

Penting untuk anda membaca Tatakelakuan ini dan mematuhi prinsipnya. Tatakelakuan kita adalah untuk setiap orang yang bekerja dengan atau bagi pihak mana-mana syarikat jenama Booking Holdings. Ini termasuk Booking.com, KAYAK, Priceline, Agoda, OpenTable dan setiap anak syarikatnya (setiap satu yang boleh secara individu dan secara kolektif dirujuk sebagai "Syarikat" atau "Booking Holdings"). Semua pengarah, pegawai dan pekerja Syarikat, di mana-mana jua mereka berada, dikehendaki untuk mengetahui dan memahami Tatakelakuan ini dan mematuhi prinsip dan prosedur yang telah ditetapkan.

## KEWAJIPAN KITA

Kita ialah sebuah syarikat global yang komited dalam melakukan operasi dengan mematuhi semua undang-undang yang berkenaan di setiap negara yang kita jalankan perniagaan. Mencapai hasil menerusi cara yang melanggar undang-undang atau tidak beretika tidak boleh diterima. **Kami menghendaki anda untuk tidak melakukan apa-apa tindakan yang menjelaskan komitmen kita terhadap integriti—kami lebih rela kehilangan perniagaan daripada memperolehnya dengan cara yang tidak wajar.**

Lembaga Pengarah telah menggunakan Tatakelakuan ini untuk memastikan:

- Kelakuan yang jujur dan beretika, termasuk urus niaga yang adil dan menangani konflik kepentingan secara beretika
- Pematuhan terhadap undang-undang yang berkenaan dan undang-undang serta peraturan kerajaan
- Pencegahan salah laku



# THE RIGHT RESULTS THE RIGHT WAY

## Scaling TRUST

Ethical Decision-Making Model



THINK about  
the ethical  
dilemma



READ the  
applicable Code  
section and/or  
applicable policy



UNDERSTAND  
the risk and  
impact



SPEAK to the  
right people  
and ask for  
guidance



TAKE ACTION  
to resolve the  
ethical dilemma

\* If you are unsure or unclear, consult your local legal department.



If you ever encounter a situation where you are  
unsure of the right course of action, ask yourself  
the following questions:

- 01 Is the course of action legal?
- 02 Is the course of action the right thing to do?
- 03 Is the course of action consistent with our Code?
- 04 Would you feel okay if your actions were disclosed  
in the news? To your colleagues? To your family?

If you can't answer "yes" to all of these  
questions, then ask before acting!



KLIK UNTUK BESARKAN

## MANAKAH UNDANG-UNDANG YANG DIGUNA PAKAI?

Kita menjalankan perniagaan di lebih daripada 220 buah negara dan wilayah di seluruh dunia. Oleh yang demikian, operasi kita tertakluk pada undang-undang daripada banyak negara, wilayah, negeri dan majlis perbandaran serta organisasi seperti Kesatuan Eropah.

Sifat e-dagang yang merentasi sempadan mendatangkan cabaran penting untuk memahami cara undang-undang ini digunakan untuk operasi dan perniagaan kita. Rujukan dalam Tatakelakuan ini dan dalam dasar lain dan juga undang-undang di Amerika Syarikat dan di negara lain di tempat kita menjalankan perniagaan, menggambarkan realiti bahawa kita sebenarnya merupakan sebuah syarikat global yang dikawal selia oleh banyak undang-undang yang berbeza pada masa yang sama. Dalam beberapa keadaan, mungkin berlaku konflik antara undang-undang yang berkenaan dari dua atau lebih banyak negara. Apabila anda menghadapi atau mengesyaki berlakunya konflik yang sedemikian, penting untuk anda merujuk Pegawai Pematuhan & Etika atau Jabatan Undang-undang anda untuk mendapatkan panduan.

## MENJAWAB PERTANYAAN KERAJAAN

Sekali-sekala kita menerima pertanyaan daripada agensi kerajaan yang bertanggungjawab menguatkusakan undang-undang. **Kita akan menjawab permintaan kerajaan yang wajar dan sah secara jujur, segera dan tepat demi semangat kerjasama dan ketelusan.** Jika anda dihubungi oleh agensi kerajaan, anda haruslah menghubungi Pegawai Pematuhan anda atau Jabatan Undang-undang dengan serta-merta.

Jenama syarikat anda mungkin mempunyai dasar yang khusus berhubung lawatan tapak, [serbuhan waktu fajar](#) atau permintaan untuk maklumat daripada agensi kerajaan. Pastikan anda tahu dan faham tentang dasar ini.



## THE RIGHT RESULTS THE RIGHT WAY

**Kewajipan etika kita sebagai pekerja adalah untuk:**

- Mengetahui prinsip Tatakelakuan ini
- Membuat keputusan yang selaras dengan Tatakelakuan
- Bersikap peka dan mematuhi undang-undang serta peraturan bidang kuasa di tempat kita/anda menjalankan perniagaan
- [Melaporkan](#) apa-apa pelanggaran atau tindakan yang tidak selaras dengan Tatakelakuan

Sekiranya anda tidak pasti, **bertanya sebelum bertindak!**

...dan sila sentiasa lengkapkan latihan pematuhan dalam talian dan secara peribadi anda tepat pada masanya! Ini merupakan bahagian penting komitmen kita untuk mendapatkan *Hasil yang Diingini dengan Cara yang Betul*.

**Para pengurus mempunyai tanggungjawab tambahan untuk:**

- Menggalakkan pematuhan Tatakelakuan dalam kalangan pekerja di bawah seliaan anda, dengan memberikan teladan yang baik
- Memupuk, melahirkan dan memberikan ganjaran terhadap budaya kebertanggungjawapan dan integriti
- Memantau pematuhan Tatakelakuan subordinat anda
- Menguatkuaskan Tatakelakuan secara konsisten
- Memastikan kawalan pematuhan yang sewajarnya dilaksanakan dan beroperasi dalam jabatan atau pasukan anda
- Menggalakkan para pekerja untuk [melaporkan](#) isu secara suci hati
- Memastikan bahawa pendirian toleransi sifar Syarikat tentang melarang tindakan balas terhadap pemberi maklumat yang [membuat laporan](#) secara suci hati dipatuhi dan dikuatkuaskan dengan ketat





PELAPORAN DAN  
PENYIASATAN

Mengenali kawan baharu! #discoveregypt #vagabondlife

GIZA, MESIR

## PELAPORAN DAN PENYIASATAN

Sekiranya anda menyedari apa-apa perkara yang melanggar atau kelihatan seperti melanggar Tatakelakuan ini atau mana-mana undang-undang, peraturan atau dasar Syarikat yang berkenaan, anda bertanggungjawab untuk melaporkan isu tersebut dengan segera.

Walaupun jika anda tidak mempunyai semua butiran, laporan segera adalah amat penting supaya kakitangan yang berkenaan boleh menyiasat isu tersebut, mendedahkan fakta dan menentukan sama ada pelanggaran benar-benar berlaku. Bukan sahaja pelaporan segera membantu untuk mengelakkan mana-mana pelanggaran selanjutnya, tetapi ini juga membantu untuk memelihara bukti dan melindungi pekerja, pegawai, pengarah kita dan Syarikat terhadap apa-apa salah laku selanjutnya. Selagi anda percaya dengan sewajarnya bahawa pelanggaran telah berlaku, anda melakukan perkara yang betul. **Kita mempunyai pendirian toleransi sifat dalam melarang tindakan balas terhadap pemberi maklumat yang membuat laporan secara suci hati.**

Membuat pengakuan secara "suci hati" bermakna mempunyai kepercayaan yang jujur dan ikhlas tentang perkara yang didakwa telah berlaku.

Kita telah mewujudkan beberapa cara untuk melaporkan isu supaya anda boleh memilih mana-mana sahaja jalan yang paling selesa bagi anda. Tidak kira pilihan yang anda buat, isu anda akan dilayan secara sensitif dan serius. Selain itu, Syarikat akan berusaha untuk mengendalikan semua laporan dengan tahap kerahsiaan dan perlindungan yang sama jika situasi membenarkannya dan/atau selaras dengan undang-undang yang berkenaan.

Walau di mana-mana jua anda berada, jika anda mempunyai kebimbangan berkaitan dengan perakaunan, kawalan dalaman, perihal pengauditan, penyimpanan rekod kewangan, jenayah perbankan atau kewangan, sogokan dan rasuah atau antitrust dan persaingan, anda boleh terus memaklumi Pegawai Pematuhan & Etika Global atau Jabatan Audit Dalam menggunakan Talian Bantuan Pematuhan: [BKNGHelpline.com](http://BKNGHelpline.com), akan memaklumi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Booking Holdings atau sesiapa yang anda rasa selesa untuk mengutarakan isu bagi pihak anda. Sekiranya anda ingin membuat aduan kepada Jawatankuasa Audit, sila rujuk [Prosedur Pengendalian Aduan Jawatankuasa Audit](#).

## SUMBER

Jika anda mempunyai soalan tentang Tatakelakuan atau ingin kebimbangan kelakuan perniagaan, anda boleh menghubungi mana-mana sumber berikut:

- Pengurus atau penyelia anda
- Wakil Sumber Manusia tempatan anda
- Jabatan Undang-undang tempatan anda
- Pegawai Pematuhan & Etika tempatan anda
- Pegawai Pematuhan & Etika Global
- Ketua Pegawai Undang-undang
- Talian Bantuan Pematuhan: [bknghelpline.com](http://bknghelpline.com)

## TALIAN PENTING PEMATUHAN

Talian Penting Pematuhan ialah sumber berdasarkan web dan telefon yang diaktifkan, selamat dan bebas untuk mengemukakan kebimbangan terhadap kesalahan atau salah laku etika.



### Talian Penting Pematuhan kita menawarkan:

- ↗ Pelaporan sulit dan pilihan untuk tidak mendedahkan nama
- ↗ Pilihan pelaporan telefon (bebas tol) dan berdasarkan web dalam 12 bahasa
- ↗ Akses selama 24 jam/7 hari seminggu
- ↗ Keupayaan untuk membuat susulan terhadap kebimbangan anda walaupun jika anda memilih untuk tidak mendedahkan nama

Anda boleh [melaporkan](#) kebimbangan anda secara tanpa nama menerusi Talian Penting Pematuhan di tempat undang-undang tempatan membenarkannya. Walau bagaimanapun, sila ingat bahawa dalam sesetengah keadaan, mungkin sukar atau mustahil bagi pihak Syarikat untuk menyiasat dengan teliti laporan yang telah dibuat secara tanpa nama. Oleh itu, kami menggalakkan anda untuk berkongsi identiti anda dan memastikan anda bahawa Syarikat akan berusaha untuk mengendalikan semua laporan dengan tahap kerahsiaan yang sama jika situasi membenarkannya dan/atau selaras dengan undang-undang yang berkenaan.

## APAKAH YANG AKAN BERLAKU SELEPAS SAYA MELAPORKAN ISU?

Kami mengambil serius tentang salah laku sebenar atau disyaki. Apabila isu dilaporkan kepada Syarikat, kami bertindak dengan segera dan secara sulit.

Kami menilai setiap laporan untuk menentukan strategi penyelesaian yang sewajarnya. Jika siasatan diperlukan, kami menjalankan pertanyaan dengan cara yang sulit, menyeluruh dan objektif. Setiap pekerja diwajibkan



bekerjasama dengan siasatan syarikat dan membantu pertanyaannya. Jika Syarikat menentukan bahawa salah laku telah berlaku, kami akan mengambil tindakan disiplin dan pencegahan yang sewajarnya, sehingga dan termasuklah pemecatan. Sekiranya berlaku jenayah atau pelanggaran undang-undang serius yang lain, Syarikat juga mungkin akan memaklumi pihak berkuasa kerajaan yang sewajarnya. Selain itu, Pegawai Pematuhan & Etika Global akan melaporkan secara berkala semua penyiasatan Tatakelakuan yang besar dan keputusan akhir, termasuk tindakan disiplin yang diambil, kepada pengurusan kanan dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

## SUMBER

Duta Etika kita merupakan rakan sekerja kita yang membantu untuk mencipta kesedaran berkenaan isu etika dan pematuhan, menggalakkan Tatakelakuan, dasar dan nilai kita serta berkhidmat sebagai sumber bagi sesiapa yang mahu mengetahui tentang pematuhan dan etika di Syarikat dengan lebih lanjut.

Duta Etika kita boleh memberikan panduan tentang cara bertanya soalan dan melaporkan apa-apa kebimbangan sekiranya anda membuat keputusan untuk menggunakan sumber pelaporan yang dinyatakan dalam Tatakelakuan ini.

Sekiranya anda berminat untuk menjadi Duta Etika di lokasi atau jabatan anda, sila berbincang dengan Pegawai Pematuhan syarikat jenama anda untuk mengetahui lebih lanjut tentang program ini dan mengetahui sama ada anda layak.

## PENDIRIAN TIADA TINDAKAN BALAS KITA

Pekerja yang melaporkan kebimbangan salah laku melaksanakan khidmat yang penting kepada Syarikat dan Syarikat tidak akan bertoleransi terhadap tindakan balas dalam bentuk keputusan pekerjaan yang buruk (termasuk pengasingan, pemecatan, penurunan pangkat, penggantungan, kehilangan manfaat, ancaman, gangguan atau diskriminasi) terhadap sesiapa kerana mengemukakan kebimbangan secara suci hati.



Setiap syarikat jenama akan bertindak untuk melindungi pelapor yang suci hati daripada tindakan balas dan akan mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya kepada sesiapa yang bertindak balas terhadap mereka. Walau bagaimanapun, mana-mana laporan dengan niat jahat boleh menyebabkan tindakan disiplin dikenakan, sehingga dan termasuk pemecatan.

Membuat pengakuan secara "suci hati" bermakna mempunyai kepercayaan yang jujur dan ikhlas tentang perkara yang didakwa telah berlaku.



# PERASAAN HORMAT DI TEMPAT KERJA

*"Saya mungkin tidak pergi ke destinasi yang ingin dituju, tetapi saya rasa saya berada di tempat yang perlu saya tiba."*  
#roadtrippin #letsgopeakdistrict #getaway

MENYELAMI TAMAN NEGARA PEAK DISTRICT, ENGLAND

## KEPELBAGAIAN DAN KETERANGKUMAN

Warga kita ialah aset dan kekuatan kita yang terbesar dan kita menghargai setiap pekerja atas sumbangan mereka kepada kejayaan kita. Kita mempunyai operasi di lebih daripada 70 buah negara dan untuk mengekalkan sifat global Syarikat dan perniagaan, kita berusaha untuk bekerja selaras dengan budaya dan adat perniagaan tempatan selagi tidak bertentangan dengan Tatakelakuan ini dan keperluan undang-undang yang berkaitan.

Kepelbagaian tenaga kerja kita menyumbang kepada kejayaan kita melalui idea, sudut pandangan, bakat dan nilai yang unik. Kita sangat meyakini persekitaran kerja yang semua individu mempunyai peluang yang sama dan dilayan dengan rasa hormat dan bermaruah.

Pengambilan bekerja adalah berdasarkan kebolehan individu untuk menyumbang kepada kejayaan kita dengan berkongsi gabungan idea, pandangan, bakat dan nilai mereka yang unik. Kami mengakui bahawa pekerja kami mempunyai pelbagai pengalaman dan latar belakang. Oleh itu, kami ingin mewujudkan pasukan petugas global yang sama pelbagai dan global, serta kami menghendaki pekerja kami menerima norma yang menyokong budaya, tempat kerja dan masyarakat yang terangkum. Syarikat menyokong dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang mentadbir urus amalan pengambilan pekerja kita dan melarang apa-apa bentuk diskriminasi yang menyalahi undang-undang.

Kepelbagaian tenaga kerja kita menyumbang kepada kejayaan kita melalui idea, sudut pandangan, bakat dan nilai yang unik. Kita sangat meyakini persekitaran kerja yang semua individu mempunyai peluang yang sama dan dilayan dengan rasa hormat dan bermaruah.

## THE RIGHT RESULTS THE RIGHT WAY

**Kita tidak melakukan diskriminasi yang menyalahi undang-undang. Kita menilai semua pekerja dan bakal pekerja berdasarkan merit dan kelayakan mereka dan tidak pernah berdasarkan ciri individu, seperti:**

- Bangsa
- Warna kulit
- Agama
- Jantina
- Orientasi seksual
- Jantina, identiti jantina, ekspresi jantina
- Negara asal
- Umur
- Status perkahwinan
- Kehamilan, kelahiran dan keadaan perubatan yang berkaitan
- Kurang Upaya
- Perkhidmatan ketenteraan, hubungan ketenteraan dan status veteran
- Sebarang ciri yang mungkin dilindungi oleh dasar Syarikat kita atau undang-undang

## TINGKAH LAKU DI TEMPAT KERJA, GANGGUAN DAN PEMBULIAN

Semua pekerja kita mempunyai hak untuk bekerja dalam persekitaran yang menghormati mereka, selamat dan terjamin. Kita menghendaki semua pekerja menghormati hak ini dan bertindak secara profesional. Kita tidak bertolak ansur dengan penggunaan komen yang menghina, menyakitkan, mengancam atau kesat. Semua pekerja harus menyedari dan menghormati kepelbagaiannya sudut pandangan, kepercayaan dan nilai semua rakan sekerja kita dan hendaklah menahan diri daripada menyatakan atau memajukan pendapat tentang topik sensitif seperti politik atau agama yang tidak berkaitan dengan tempat kerja, yang memberikan kesan negatif terhadap tempat kerja atau yang mengganggu keupayaan anda atau rakan sekerja untuk melakukan pekerjaan anda.

Syarikat melarang apa-apa jenis ancaman, buli atau gangguan yang menyalahi undang-undang termasuk gangguan emosi, fizikal atau seksual.

Gangguan seksual termasuklah ajakan seksual yang tidak diingini, perhatian seksual yang tidak diminta, tuntutan atau permintaan yang bersifat seksual, sindir halus seksual atau kelakuan lisan atau fizikal yang bersifat seksual lain yang tidak diingini. Gangguan seksual boleh dialami oleh sesiapa pun, tanpa mengira jantina, ekspresi jantina, orientasi seksual mereka atau mana-mana ciri individu atau peribadi.

**Gangguan seksual termasuklah ajakan seksual yang tidak diingini, perhatian seksual yang tidak diminta, tuntutan atau permintaan yang bersifat seksual, sindir halus seksual atau kelakuan lisan atau fizikal yang bersifat seksual lain yang tidak diingini.**

Jika anda berasa anda telah diganggu atau didiskriminasi atau anda memerhatikan tingkah laku sebegini, anda seharusnya menghubungi pengurus tempatan anda, ahli Jabatan Pematuhan & Etika atau wakil Sumber Manusia tempatan dengan serta-merta agar Syarikat boleh mengambil tindakan pembetulan dan segera.

Ingatlah bahawa kita tidak akan bertoleransi terhadap apa-apa tindakan balas yang diambil kepada sesiapa yang mengemukakan kebimbangan tentang gangguan dan diskriminasi atau aduan secara suci hati. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang topik ini, sila rujuk [Buku Panduan Pekerja](#) anda.

Menghormati para pekerja merangkumi komitmen kita terhadap tempat kerja selamat yang bebas daripada bahaya ke atas manusia dan persekitaran. Jika anda bimbang tentang kesihatan anda atau keselamatan di tempat kerja, sila hubungi pengurus anda dengan segera.

## THE RIGHT RESULTS THE RIGHT WAY

**Melayani orang lain dengan hormat, mulia dan berbudi bahasa. Tindakan yang boleh dianggap sebagai gangguan termasuk:**

- Komen atau jenaka yang menyakitkan atau tidak wajar berlaku di tempat kerja
- Membuli
- Sentuhan atau gerak isyarat fizikal yang tidak dialu-alukan
- Mewujudkan persekitaran kerja yang bermusuhan atau menakutkan, termasuk yang pekerja mungkin didorong untuk terlibat dalam amalan kerja yang tidak wajar demi "menyesuaikan diri"
- Apa-apa bentuk ancaman secara lisan atau fizikal
- Gambar atau teks yang jelas, menghina atau tidak sesuai untuk tempat kerja
- Perlakuan seksual atau permintaan berunsur seksual
- Penghinaan perkauman atau etnik

### AMBIL PERHATIAN:

Kami mendefinisikan "**gangguan**" sebagai apa-apa bentuk kelakuan yang tidak diingini berlaku secara lisan, bukan lisan atau fizikal, dengan bertujuan atau akibat menjatuhkan maruah seseorang, khususnya apabila ini mewujudkan persekitaran yang menakutkan, bermusuhan, merendahkan, memalukan atau menyinggung perasaan.

"**Pembulian di tempat kerja**" bermaksud tingkah laku yang menyakitkan melalui cubaan yang berdendam, kejam, berniat jahat atau memalukan untuk merendahkan seseorang individu atau kumpulan pekerja.

## KELAKUAN LAIN YANG MEMUDARATKAN KEPENTINGAN SAH PERNIAGAAN

Disebabkan kami menghormati hak privasi pekerja kami, lazimnya kami tidak berminat dengan apa-apa yang dilakukan oleh sesiapa di luar tempat kerja dan dalam masa mereka sendiri, melainkan kelakuan tersebut meningkat kepada tahap yang menjelaskan keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas mereka, menjelaskan tempat kerja secara negatif atau mengancam reputasi kita atau kepentingan sah perniagaan yang lain.

Isu atau masalah dalam bahagian ini seringkali melibatkan media sosial. Anda sudah tentunya bebas untuk bersuara dan melakukan perkara yang diingini di media sosial, dalam masa anda sendiri dan menggunakan peralatan anda sendiri. Namun, harap maklum bahawa Syarikat berhak untuk mengambil tindakan jika tindakan atau kelakuan anda mempengaruhi Syarikat, tempat kerja, reputasi kita atau kebolehan anda untuk melakukan tugas anda secara negatif.

Sekiranya anda mempunyai apa-apa soalan dalam bahagian ini, sila rujuk Dasar Media Sosial kita, bercakap dengan pengurus, Pegawai Pematuhan & Etika anda dan/ atau Ketua Sumber Manusia anda.

## KESELAMATAN TEMPAT KERJA

Kita tidak bertolak ansur dengan penyalahgunaan dadah atau alkohol. Bekerja di bawah pengaruh dadah atau alkohol atau menyalahgunakan ubat preskripsi boleh mewujudkan keadaan bekerja yang tidak selamat kepada anda dan mereka di sekeliling anda. Para pekerja yang mempunyai keimbangan bahawa rakan sekerja mungkin menyalahgunakan dadah atau alkohol dalam skop kerja mereka atau menyaksikan penyalahgunaan tersebut, harus menghubungi pengurus atau wakil Sumber Manusia mereka. Selain itu, sila rujuk Dasar Dadah dan Alkohol jenama atau [\*\*Buku Panduan Pekerja\*\*](#) anda untuk panduan selanjutnya.

Kita melarang semua tindakan keganasan dan tingkah laku yang mengancam di tempat kerja. Memiliki senjata termasuk pisau atau senjata api adalah dilarang di premis Syarikat. Jika Syarikat menentukan bahawa seorang pekerja telah bertindak ganas atau berkelakuan dengan cara yang mengancam atau tidak wajar, tindakan disiplin yang sewajarnya akan diambil dan agensi penguatkuasaan undang-undang yang sewajarnya mungkin akan dihubungi.

Kita semua juga mestilah mengetahui dan mematuhi semua keperluan bagi sebarang pelan pengurusan krisis atau kesambungan perniagaan dan bersedia untuk menyesuaikan diri kepada keadaan yang berubah berkenaan tempat kerja dan keadaan bekerja kita.

**Laporkan** dengan segera apa-apa tingkah laku atau aktiviti yang menjelaskan kesihatan dan keselamatan pekerja atau tempat kerja kepada pengurus setempat anda.

Jika anda merasakan bahawa anda atau orang lain berada dalam keadaan cemas, anda hendaklah menghubungi pihak berkuasa tempatan atau perkhidmatan kecemasan.



# ALAM SEKITAR, SOSIAL & TADBIR URUS (ESG)

Tak dapat berhenti mengagumi alam semula jadi. #neverstopexploring #alaskaadventure

MELAYANGKAN CIUMAN KEPADA GLASIER HOLGATE, ALASKA

## ALAM SEKITAR, SOSIAL & TADBIR URUS (ESG)

Booking Holdings komited untuk memastikan bahawa terdapat dunia yang berbaloi untuk dinikmati pada masa kini dan masa hadapan. Inisiatif, proses dan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus kita menunjukkan penekanan berterusan kita terhadap menjadi perniagaan global yang mampan dan beretika.

## OPERASI MAMPAN

Menjalankan operasi kita sendiri secara mampan ialah rukun asas bagi [strategi kemampunan kita](#). Kita menetapkan jangkaan yang tinggi untuk rakan kongsi pembekal perjalanan kita dan mengendalikan perniagaan kita sendiri mengikut kriteria yang sama. Ini termasuk mengurangkan jejak operasi kita dan mengurus impak yang tidak dapat dielakkan secara berkesan. Kita akan terus memacu operasi kita ke arah jejak bersih sifar karbon dan komited untuk membuat pengurangan tahunan dalam pelepasan gas rumah hijau, sisa dan rantai bekalan. Booking Holdings beroperasi secara mampan dan secara tanggungjawab dengan bekerjasama dan memanfaatkan pengalaman kita dalam komuniti kita. Menggunakan capaian global kita, kita boleh menyertai ratusan inisiatif tempatan dan meningkatkan impak positif untuk komuniti kita pada skala.

Booking Holdings menyumbang kembali kepada komuniti kita dengan menyokong inisiatif tempatan melalui masa, pengetahuan dan pendanaan. Dengan berbuat demikian, kita membina hubungan yang lebih kukuh dengan komuniti, melibatkan pekerja dan memberikan inspirasi kepada pengembara untuk membuat perbezaan yang positif.

Pengawasan alam sekitar kita adalah asas kepada cita-cita kita: memastikan dunia kekal berbaloi untuk dinikmati. Kita terus mengutamakan pengurangan dalam tenaga, pelepasan gas rumah hijau dan sisa, dan untuk melibatkan pekerja dalam inisiatif alam sekitar kita.

## PERJALANAN MAMPAN

[Perjalanan mampan](#) boleh memperkasakan komuniti yang terpinggir, meluaskan pandangan, memelihara warisan budaya, meremajakan ekosistem perjalanan kita, dan memastikan planet, warga, komuniti, habitat dan kehidupan liar dapat berkembang maju hari ini dan pada masa depan. Melalui inovasi produk, sokongan rakan kongsi pembekal perjalanan dan kerjasama industri, Booking Holdings dan jenama kita telah memberikan komitmen untuk memudahkan perjalanan mampan bagi jutaan pelanggan di seluruh dunia.

Sebagai syarikat, Booking Holdings percaya bahawa mereka bertanggungjawab untuk membantu dalam memastikan dunia kekal berbaloi untuk dinikmati dan untuk mempromosikan industri perjalanan yang lebih mampan. Booking Holdings berfokus pada dua bidang utama yang bergantung pada satu sama lain untuk berjaya:

- Menyokong rakan kongsi syarikat untuk menjadi lebih mampan, yang akan meningkatkan bilangan tawaran perjalanan mampan; dan
- Menyokong pelanggan syarikat untuk membuat pilihan yang mampan.

## HAK ASASI MANUSIA

Kita komited untuk menghormati dan menggalakkan hak asasi manusia di mana-mana jua kita berurus niaga. Sebagai salah sebuah syarikat pelancongan dalam talian yang terkemuka di dunia, kita menghormati hak asasi manusia pihak berkepentingan kita dengan mencari cara mengelakkan pelanggaran hak orang lain dan berusaha untuk menangani kesan teruk hak asasi manusia yang melibatkan kita. Komitmen kita untuk menghormati dan menggalakkan hak asasi manusia adalah berdasarkan standard dan prinsip yang diperakui pada peringkat antarabangsa, termasuklah Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.

Kami ingin memperkasakan orang ramai untuk melepassi penghalang pelancongan. Kami yakin bahawa pelancongan akan menonjolkan sifat terbaik kemanusiaan dengan membantu orang ramai berinteraksi dan lebih memahami budaya dan cara hidup yang berbeza. Pelancongan juga memberikan manfaat dari segi ekonomi dan sosial kepada masyarakat yang dikunjungi oleh pelancong. Kami percaya bahawa ideal ini adalah sangat penting dan membentuk tujuan yang hebat, pedoman yang boleh kita ikuti untuk memaklumkan dan membimbing tindakan dan keputusan kita dalam bahagian ini. Oleh itu, pada tahap yang asas, kami merasakan kesan hak asasi manusia yang paling hebat dan paling positif yang boleh kita lakukan sekarang adalah memudahkan semua orang mengalami dunia dan pada masa yang sama mematuhi semua undang-undang berkenaan. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang komitmen kita untuk menghormati dan menggalakkan hak asasi manusia, sila lihat [Pernyataan Hak Asasi Manusia](#) kita.

**Kami yakin bahawa pelancongan akan menonjolkan sifat terbaik kemanusiaan dengan membantu orang ramai berinteraksi dan lebih memahami budaya dan cara hidup yang berbeza.**



*Kita komited untuk beroperasi secara berintegriti, kejujuran dan tanggungjawab serta mematuhi peraturan yang berkenaan.*

## TADBIR URUS

Tadbir urus korporat kita yang kukuh dan pembuatan keputusan yang beretika membantu kita mencari penyelesaian yang betul — antara satu sama lain, komuniti kita dan dunia di sekeliling kita. Kita membenamkan pematuhan dan etika dalam segala yang kita lakukan untuk membolehkan kita mencapai misi kita: memudahkan semua orang menikmati dunia.

Amalan dan dasar tadbir urus korporat Booking Holdings menyediakan rangka kerja yang digunakan untuk melaksanakan tugas kita kepada pemegang saham dan berfungsi sebagai pengelola korporat yang baik. Kita komited untuk beroperasi secara berintegriti, kejujuran dan tanggungjawab serta mematuhi peraturan yang berkenaan.

Nilai kita membimbing tindakan kita pada setiap peringkat. Visi kita adalah untuk memiliki program pematuhan dan etika yang terbaik dalam kelasnya, yang dicirikan oleh budaya keterangkuman dan integriti melalui cara yang boleh diukur yang menyumbang kepada pertumbuhan mampan bagi perniagaan kita dan mencerminkan slogan pematuhan dan etika syarikat yang digunakan dalam semua aspek — “Hasil yang Diingini dengan Cara yang Betul.”

Mengurus risiko keselamatan siber, privasi dan perlindungan data ialah sesuatu yang penting dalam kalangan tanggungjawab kami. Kita melabur dalam orang, proses dan teknologi untuk melindungi data peribadi pelanggan, rakan kongsi kita dan pekerja.

## MENJAGA WARGA KITA

Pekerja kita memacu kejayaan kita dan penting dalam menyampaikan misi kita untuk memudahkan setiap orang menikmati dunia. Kita berusaha untuk mewujudkan suasana kerja yang diperkasakan dan terangkum melalui fokus berterusan kita terhadap keterlibatan pekerja, kesejahteraan, kepelbagai dan keterangkuman, pengurusan bakat dan mengganjari serta mengiktiraf bakat.

Daripada model kerja fleksibel/hibrid kepada program keterlibatan, kami memudahkan cara aktiviti dan dasar yang direka bentuk untuk mengumpulkan individu kami dan menyokong tenaga kerja antarabangsa kita. Walaupun jenama kita bekerja secara bebas dalam pengurusan bakat, kita memanfaatkan amalan terbaik dan belajar daripada satu sama lain.

Misi perniagaan kita menggalakkan pendekatan yang memahami, menerima dan mengalu-alukan untuk meluaskan pandangan kita, bertemu orang dan budaya baharu, mendapatkan pengalaman baharu, meningkatkan pengetahuan kita dan berkembang untuk menghargai dunia tempat kita tinggal.

Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pekerja kita adalah amat penting. Kesejahteraan bukan sekadar kesihatan mental dan di Booking Holdings, pendekatan terangkum kita mengiktiraf bahawa kesejahteraan adalah berbeza berdasarkan identiti dan latar belakang.

Booking Holdings merupakan komuniti yang terdiri daripada pelajar yang bersemangat dan kita mengekalkan budaya yang mengutamakan kemahiran dan perkongsian pengetahuan untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Kita percaya yang pelaburan warga ialah unsur utama dalam komitmen kita terhadap tanggungjawab sosial.

**Kita percaya yang pelaburan warga ialah unsur utama dalam komitmen kita terhadap tanggungjawab sosial.**

# ANTISOGOKAN DAN ANTIRASUAH



*Wahai cahaya, muncullah kau! #northernlightsiceland #nightskychasers*

TEJA UTARA, ICELAND

## LARANGAN SOGOKAN

Terdapat **toleransi sifar** terhadap mana-mana bentuk sogokan atau rasuah.

Kita menjalankan perniagaan di seluruh dunia dan tertakluk pada beberapa undang-undang yang melarang dengan ketat tindakan menawarkan, memberikan atau membenarkan pembayaran mana-mana bentuk sogokan. Kebanyakan undang-undang ini melarang anda selanjutnya untuk menerima sogokan (atau rasuah) berhubung dengan menjalankan perniagaan kita. Undang-undang ini juga melarang mana-mana pihak ketiga daripada memberi orang lain sogokan bagi pihak Syarikat. Kami ingin mematuhi semua undang-undang antarabangsa yang berkenaan, termasuklah Akta Amalan Rasuah Asing AS (FCPA) dan Akta Sogokan UK dan kami telah membangunkan [\*\*Dasar Antisogokan dan Antirasuah Global\*\*](#) untuk memberi anda panduan selanjutnya tentang kehendak kami bagi semua pekerja dan pihak ketiga. Namun, prinsip berikut harus menjadi panduan anda:

**MEMBERIKAN DAN MENAWARKAN BAYARAN YANG TIDAK WAJAR:** Para pekerja tidak boleh memberikan, menawarkan atau membenarkan apa-apa nilai kepada pegawai kerajaan atau pihak persendirian (contohnya vendor, pembekal, kontraktor, pelanggan atau wakil) bagi tujuan memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau mendapatkan pengaruh, layanan lebih baik atau apa-apa kelebihan lain untuk Syarikat. Hal ini termasuk memberikan atau menawarkan bayaran pemudahan (kadangkala dipanggil bayaran "penyegeeraan" atau bayaran "pelincir") untuk mendapatkan urusan kerajaan rutin atau mempercepat urusan rasmi. Walaupun bayaran sebegini menjadi amalan di sesetengah tempat, namun bayaran ini adalah menyalahi undang-undang di kebanyakan negara dan sentiasa bertentangan dengan dasar kita.

Larangan ini meliputi lebih daripada membuat bayaran kepada pegawai kerajaan dan termasuk membuat bayaran kepada wakil perniagaan komersial swasta yang menjalankan perniagaan dengan kita.

"Pegawai kerajaan" ialah sesiapa sahaja yang bertindak dalam bidang kuasa rasmi bagi pihak kerajaan asing, agensi, jabatan, pihak berkuasa kawal selia atau perantaraan. Istilah ini ditakrifkan secara longgar dan juga termasuk pekerja kerajaan kebangsaan, negeri atau tempatan, calon politik, parti politik,

pegawai parti politik, pekerja perusahaan milik kerajaan atau perusahaan milik negara (termasuk penerbangan kebangsaan atau hotel milik kerajaan) dan pekerja/wakil kuasi-awam atau antarabangsa, organisasi bukan kerajaan seperti Bangsa-bangsa Bersatu dan Palang Merah.

**MEMINTA DAN MENERIMA BAYARAN YANG TIDAK WAJAR:** Para pekerja syarikat juga dilarang daripada menerima atau meminta sesuatu yang berharga secara tidak wajar, secara langsung atau tidak langsung daripada pihak ketiga seperti vendor, pembekal, kontraktor atau wakil pelanggan. Anda dilarang melakukannya sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Pekerja tidak akan ditegur kerana enggan membayar sogokan, tanpa mengambil kira impak yang teruk pada hasil, jualan atau aspek perniagaan kita yang lain. Akibat dan kesan buruk daripada sogokan dan rasuah yang merosakkan adalah jauh lebih besar daripada mana-mana persepsi manfaat jangka pendek.

Pelanggaran undang-undang Antisogokan termasuk FCPA dan Akta Sogokan UK adalah amat serius dan boleh mengakibatkan hukuman jenayah dan sivil terhadap Syarikat, pengarah, pegawai dan pekerja individu. Penalti ini boleh termasuk dikenakan denda yang tinggi dan dipenjarakan.

**Terdapat toleransi sifar terhadap mana-mana bentuk sogokan atau rasuah.**

## BUKU KIRA-KIRA DAN REKOD YANG TEPAT

Semua pekerja mesti merekodkan bayaran dan pertimbangan lain dalam buku kira-kira, rekod dan akaun syarikat jenama mereka tepat pada masanya dan dengan butiran yang munasabah. Tiada akaun yang disembunyikan atau tidak direkodkan boleh dibuat untuk apa-apa tujuan. Entri yang palsu, mengelirukan, tidak lengkap, tidak tepat atau tiruan ke dalam buku dan rekod adalah dilarang. Pekerja tidak boleh menggunakan dana peribadi untuk mencapai perkara yang dilarang oleh dasar Syarikat ini dan yang lain.



*Entri yang palsu, mengelirukan, tidak lengkap, tidak tepat atau tiruan ke dalam buku dan rekod adalah dilarang.*

## BERURUSAN DENGAN EJEN PIHAK KETIGA

Undang-undang antisogokan melarang Syarikat daripada mengambil ejen pihak ketiga bekerja untuk membuat bayaran rasuah bagi pihak kita. Undang-undang antisogokan menganggap kelakuan sedemikian sebagai jenayah, bukan sahaja apabila Syarikat menyedari tentang kelakuan sedemikian tetapi juga dalam keadaan bahawa Syarikat boleh sewajarnya disimpulkan mengetahui atau seharusnya telah mengetahui yang bayaran sedemikian akan dibuat.

Oleh itu, setiap ejen pihak ketiga kita haruslah memahami bahawa mereka dilarang keras daripada membayar atau menerima apa-apa sogokan (termasuk bayaran pemudahan) bagi pihak kita. Lantas, semua ejen pihak ketiga Syarikat yang bertindak bagi pihak kita mesti disaring, menjalani segala usaha semakan wajar dan dimaklumi tentang kehendak pihak Syarikat bahawa mereka perlu mematuhi undang-undang antisogokan yang berkenaan. Sila berbincang dengan Pegawai Pematuhan & Etika tempatan anda untuk memastikan bahawa ejen pihak ketiga kita disaring.

Istilah "ejen pihak ketiga" termasuk mana-mana entiti atau individu yang bertindak bagi pihak kita, termasuk ejen (iaitu kastam/ejen hartanah), kontraktor, perunding, syarikat perkhidmatan korporat, perkhidmatan bayaran gaji, agensi pengiklanan dan firma undang-undang.

Disebabkan oleh undang-undang yang rumit dalam bahagian ini, sila rujuk [Dasar Antisogokan dan Antirasuah Global](#) dan/atau hubungi Pegawai Pematuhan & Etika tempatan anda dengan apa-apa pertanyaan atau kebimbangan.



# INTEGRITI DAN PELAPORAN KEWANGAN

*Acara yang paling menakjubkan pernah saya alami! #lanternfestival #upliftingmoments*

PESTA YI PENG, CHIANGMAI THAILAND

## PENIPUAN DI TEMPAT KERJA

Semua kejayaan perniagaan kita bergantung pada operasi yang jujur dan telus.

Kita semua mesti komited dalam mencegah penipuan dan mengesannya sebaik penipuan berlaku agar Syarikat boleh membetulkan situasi dengan segera dan mengurangkan sebarang akibat yang teruk.

Penipuan bermakna aktiviti yang melibatkan ketidakjujuran dan penipuan dengan niat untuk mendapatkan keuntungan kewangan atau peribadi atau kelebihan secara tidak adil yang lain. Penipuan boleh berlaku daripada putar belit pernyata kewangan secara sengaja sehingga penggelapan wang, kecurian atau penyalahgunaan aset Syarikat atau tokok tambah perbelanjaan. Syarikat menyediakan latihan dan sumber tentang kesan penipuan, kaedah mencegah penipuan dan prosedur yang betul untuk melaporkan penipuan yang disyaki. Kami juga mempunyai kawalan dalaman dan proses untuk mengesan risiko penipuan terhadap perniagaan kita. Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan tentang penipuan atau pencegahan penipuan, sila tanya kepada Pengurus anda atau hubungi salah satu saluran pelaporan kita.

**Kita semua mesti komited dalam mencegah penipuan dan mengesannya sebaik penipuan berlaku agar Syarikat boleh membetulkan situasi dengan segera dan mengurangkan sebarang akibat yang teruk.**

## LAPORAN KEWANGAN, PENDEDAHAN DAN KAWALAN DALAMAN

Sebagai sebuah syarikat awam yang tersenarai di NASDAQ, kita diminta untuk menyediakan pendedahan awam termasuk maklumat kewangan tentang Syarikat. Penting bagi kita melaporkan maklumat kewangan dan maklumat lain tentang Syarikat dengan tepat kepada orang awam. Jika kita gagal untuk berbuat demikian, tindakan ini boleh mengakibatkan liabiliti kepada Syarikat dan dalam keadaan tertentu, kepada pegawai, pengarah atau para pekerja Syarikat dan boleh menyebabkan kehilangan keyakinan dalam kalangan para pelabur, penganalisis dan orang lain terhadap Syarikat.

Kenyataan awam kita termasuk siaran akhbar dan pemfailan awam kita tidak seharusnya mengandungi apa-apa maklumat yang salah atau mengelirukan. Pemfailan yang diperlukan dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Amerika Syarikat (US Securities and Exchange Commission, (SEC)) mesti dilengkapkan, tepat pada masanya dan mematuhi sepenuhnya keperluan SEC.



Kita mesti memastikan sepenuhnya bahawa Syarikat mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mencukupi dan transaksi kita diproses tepat pada masanya, selaras dengan prinsip perakaunan diterima umum (GAAP) atau prinsip tempatan atau berkanun lain yang berkaitan. Kita bertanggungjawab untuk mencipta dan mematuhi sistem kawalan dalaman yang direka bentuk untuk memberikan jaminan yang munasabah bahawa:

- Setiap urus niaga telah direkodkan dengan betul dan telah diberikan kebenaran dengan sewajarnya oleh pihak pengurusan
- Aset Syarikat dilindungi dengan sewajarnya dan hanya digunakan dalam cara yang selaras dengan kebenaran pengurusan
- Setiap urus niaga telah direkodkan dalam cara yang membolehkan pihak Syarikat mengira aset dan liabiliti serta menyediakan penyata kewangan di bawah standard perakaunan yang bersesuaian

Setiap pekerja Syarikat mempunyai peranan dalam memastikan buku kira-kira dan rekod kita adalah tepat dan sistem kawalan dalaman kita adalah berkesan dan tidak dipintas. Sejajar dengan keperluan ini, semua pekerja Syarikat mesti mendapatkan dokumentasi yang mencukupi yang menyokong urus niaga yang melibatkan mereka. Buku kira-kira dan rekod yang dipalsukan, mengelirukan atau tidak tepat melanggar undang-undang dan boleh menyebabkan denda yang tinggi mahupun hukuman penjara.

## THE RIGHT RESULTS THE RIGHT WAY

Sekiranya anda diminta untuk menyediakan, menyerahkan atau meluluskan kontrak, baucar bayaran atau apa-apa sahaja dokumen atau rekod Syarikat yang lain yang tidak menggambarkan dengan tepat isi kandungan urus niaga, anda seharusnya menolak daripada melakukannya dan melaporkan kelakuan ini menerusi saluran yang disediakan di bawah Laporan dan Penyiasatan dengan segera.

Begitu juga, anda mesti tidak sekali-kali meminta pihak ketiga (termasuk vendor, pembekal, perunding atau pihak ketiga lain) menyerahkan rekod yang tidak menggambarkan dengan tepat isi kandungan transaksi.

Anda digalakkan untuk tampil mengemukakan apa-apa kebimbangan jika anda mengesyaki orang lain mungkin sama ada secara tidak sengaja atau dengan niat mensubversifkan atau memintas kawalan dalaman kita. Ingat bahawa kita tidak bertolak ansur atas mana-mana tindakan balas yang diambil terhadap pekerja yang mengemukakan kebimbangan secara suci hati.



## TANGGUNGJAWAB TAMBAHAN UNTUK PENGARAH, PEGAWAI DAN PEKERJA YANG TERLIBAT DALAM HAL-HAL PENDEDUDAHAN

Selain itu, setiap pengarah, pegawai atau pekerja yang terlibat dalam proses pendedahan Syarikat diperlukan untuk mengetahui dan memahami serta mematuhi kawalan dan prosedur pendedahan Syarikat dan juga semua kawalan dalaman ke atas laporan kewangan setakat kawalan ini berkaitan dengan bidang tanggungjawab mereka.

Setiap orang yang mempunyai kuasa langsung atau penyeliaan berkenaan pemfailan SEC atau mana-mana komunikasi awam Syarikat yang berkaitan dengan kewangan harus mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk memastikan pendedahan adalah lengkap, adil, tepat, mengikut masa dan boleh difahami termasuk merujuk kepada pegawai Syarikat yang lain.

Setiap pengarah, pegawai atau pekerja yang terlibat dalam proses pendedahan Syarikat mestilah:

- ➔ Memahami keperluan pendedahan yang berkenaan kepada Syarikat serta kepada operasi perniagaan dan kewangan Syarikat
- ➔ Jangan sekali-kali dengan sengaja memberikan gambaran yang salah atau menyebabkan orang lain memberikan gambaran yang salah tentang fakta berkaitan Syarikat kepada orang lain, termasuk juruaudit bebas Syarikat, pengawal selia kerajaan dan organisasi swaatur
- ➔ Menyemak dengan teliti dan menganalisis secara kritikal pendedahan yang dicadangkan untuk mendapatkan ketepatan dan kesempurnaan (atau apabila berkenaan, wakilkan tugas ini kepada orang lain)



## JENAYAH KEWANGAN, PENGELAKAN CUKAI DAN PENGUBAHAN WANG HARAM

Kita komited untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan dan kawal selia yang berkenaan, yang melawan jenayah kewangan dalam segala bentuk, termasuk pengelakan cukai dan pengubahan wang haram. Pengelakan cukai ialah kegagalan untuk membayar atau membayar cukai kurang dengan sengaja melalui penyembunyian pendapatan atau maklumat daripada pihak berkuasa cukai. Pengubahan wang haram ialah proses menyembunyikan sumber wang haram atau membuatkannya kelihatan seolah-olah wang tersebut adalah sah. Selain memenuhi tanggungjawab cukai kita sendiri, kita mestilah tidak sesekali memudahkan pengelakan cukai oleh pihak lain. Hal ini boleh timbul jika kita mengetahui rakan niaga, pembekal atau vendor membuat pernyataan palsu atau menyembunyikan pendapatan, keuntungan atau aset daripada pihak berkuasa cukai, tetapi kita gagal menghalangnya. Kita mestilah mengambil langkah untuk memastikan bahawa kita hanya menjalankan perniagaan dengan vendor, pembekal, kontraktor, pelanggan dan klien yang mempunyai reputasi baik, terlibat dalam aktiviti perniagaan yang sah dengan dana yang berasal daripada sumber yang sah. **Kita tidak boleh terlibat dalam mana-mana transaksi yang distrukturkan dengan cara yang boleh dilihat sebagai menyembunyikan kelakuan yang menyalahi undang-undang atau hasil atau aset yang tidak sah yang terlibat dalam transaksi tersebut.** Jika anda mengesyaki transaksi yang melibatkan kita boleh menimbulkan sebarang bentuk jenayah kewangan, hubungi Jabatan Undang-undang atau Pegawai Pematuhan & Etika anda dengan segera.

**Kita mestilah mengambil langkah untuk memastikan bahawa kita hanya menjalankan perniagaan dengan vendor, pembekal, kontraktor, pelanggan dan klien yang mempunyai reputasi baik, terlibat dalam aktiviti perniagaan yang sah dengan dana yang berasal daripada sumber yang sah.**

## THE RIGHT RESULTS THE RIGHT WAY

**Peka terhadap percubaan untuk membuat atau meminta bayaran:**

- Dalam mata wang yang lain daripada yang dinyatakan dalam invois, kontrak atau bidang kuasa yang perkhidmatan tersebut akan dilaksanakan
- Kepada atau daripada negara lain yang tiada hubungan jelas dengan perniagaan
- Secara tunai atau setara dengan tunai
- Kepada atau daripada seseorang yang bukan sebahagian daripada pihak urus niaga tersebut
- Kepada atau daripada akaun yang lain daripada akaun hubungan perniagaan biasa
- Menggunakan berbilang cek atau draf
- Apabila anda menyedari bahawa terdapat lebihan bayaran
- Melibatkan pengantara yang tidak diketahui atau tidak diperlukan melainkan anda faham tentang peranan mereka
- Kerumitan kerumitan yang tidak perlu atau tiada tujuan perniagaan sah yang jelas
- Melibatkan negara atau pihak yang berisiko tinggi
- Tanpa invois dengan item yang mengandungi huriaian perkhidmatan disediakan yang jelas

Sekiranya anda menghadapi mana-mana tanda amaran anda harus melaporkan isu ini kepada pengurus anda atau Jabatan Undang-undang anda.

Sekiranya anda tidak pasti, bertanya sebelum bertindak!



# HADIAH DAN KONFLIK KEPENTINGAN

Mencari syurga di lorong-lorong Jepun. #sightseeingtokyo #backpackingjapan

BERSIAR-SIAR, JEPUN

## HADIAH DAN HIBURAN

Pemberian dan penerimaan hadiah atau hiburan perniagaan ialah cara yang biasa untuk mengukuhkan hubungan perniagaan dan, dengan beberapa pembatasan, ini merupakan amalan perniagaan yang sah dan boleh diterima. Namun begitu, hadiah dan hiburan tidak patut menjelaskan integriti hubungan perniagaan Syarikat.


### Berhati-hati semasa menjalankan perniagaan dengan pegawai kerajaan.

Walaupun memberikan hadiah dan hiburan kepada mana-mana pihak boleh menimbulkan masalah, risiko ini terutamanya besar apabila melibatkan pegawai kerajaan. Anda tidak boleh menawarkan atau memberikan apa-apa hadiah atau hiburan berkaitan interaksi kerajaan atau pegawai kerajaan tanpa kelulusan bertulis lebih awal daripada Jabatan Undang-undang anda. Selain itu, apa-apa hadiah atau hiburan mestilah mematuhi [Dasar Antisogokan dan Antirasuah Global](#) dan [Dasar Hadiah dan Hiburan](#) syarikat jenama anda dengan ketat.

Secara umumnya, sudah menjadi dasar kita bahawa pekerja Syarikat boleh memberikan dan menerima hadiah atau hiburan perniagaan yang wajar, berkaitan dengan kerja mereka bersama pembekal dan pihak bukan kerajaan yang lain. Walau bagaimanapun, semua hadiah atau hiburan tersebut mestilah memenuhi standard berikut:

- ↗ Mestilah sah di sisi undang-undang dan konsisten dengan amalan perniagaan yang lazim dan diterima
- ↗ Mestilah tidak diulangi atau terlalu kerap daripada satu sumber, lantas menghasilkan pola
- ↗ Hadiah mestilah bernilai nominal - kurang daripada \$100 USD atau mata wang asing yang setara
- ↗ Tidak boleh kelihatan seperti sogokan atau rasuah atau kelihatan seperti bertujuan mempengaruhi atau memberikan ganjaran kepada keputusan atau tindakan tertentu
- ↗ Mestilah tidak disediakan semasa rundingan kontrak yang melibatkan anda atau dalam tempoh tiga bulan sebelum pembaharuan kontrak
- ↗ Tidak boleh dalam bentuk tunai atau setara wang tunai, kad hadiah, sijil hadiah (bernilai lebih daripada \$50 USD) atau serupa
- ↗ Mestilah wajar dan tidak memalukan Syarikat jika didekahkan secara umum

Terdapat pengecualian dan kaveat bagi kenyataan umum ini terhadap hadiah dan hiburan. Untuk maklumat lanjut, bimbingan dan batasan, sila rujuk [Dasar Hadiah dan Hiburan](#) anda.



## KONFLIK KEPENTINGAN

Sebagai pekerja, kita bertanggungjawab untuk bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat pada setiap masa. Tanggungjawab ini termasuklah mengelakkan daripada konflik kepentingan sebenar dan tanggapan, yang timbul apabila kepentingan peribadi, sosial atau kewangan kita mengganggu, atau malah dianggap mengganggu, kepentingan Syarikat. Sama ada anda seorang pekerja, pegawai atau pengarah, anda mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat pada setiap masa. Berikut ialah beberapa contoh lazim kemungkinan konflik kepentingan:

### PEKERJAAN SAMPINGAN

Mempunyai pekerjaan sampingan boleh mengganggu keupayaan anda untuk bertindak bagi kepentingan terbaik Syarikat atau mengurangkan produktiviti anda terutamanya jika pekerjaan kedua anda adalah dengan pesaing atau jika waktu bekerja bersamaan dengan hari bekerja anda di Syarikat.

Pekerjaan sampingan tidak tertakluk pada pekerjaan kedua tradisional sahaja—ini juga merujuk kepada bekerja sendiri, pemilikan perniagaan atau permulaan perniagaan dan perkhidmatan profesional atau perundingan yang boleh dilakukan semasa atau di luar hari bekerja. Penggunaan sumber Syarikat (termasuk masa waktu bekerja) untuk perniagaan yang tidak berkaitan dengan Syarikat melanggar dasar Syarikat.

Jika anda mempertimbangkan kerja kedua di luar Syarikat yang mungkin menimbulkan konflik, sila lengkapkan [\*\*Borang Pendedahan Konflik Kepentingan\*\*](#) menurut prosedur syarikat jenama anda.

### PELUANG KORPORAT

Para pekerja, pegawai dan pengarah dilarang daripada mengambil (atau mengarah pihak ketiga) peluang perniagaan yang ditemui menerusi penggunaan harta korporat, maklumat atau jawatan, melainkan pihak Syarikat telah pun ditawarkan peluang tersebut dan menolaknya. Secara umumnya, anda dilarang menggunakan harta korporat, maklumat atau jawatan untuk keuntungan peribadi dan daripada bersaing menentang Syarikat.

Kadangkala batasan antara peluang peribadi dengan Syarikat sukar untuk ditentukan dan mungkin wujudnya kedua-dua peluang peribadi dan

Syarikat dalam aktiviti tertentu. Sila rujuk kepada pengurus anda sebelum menggunakan harta Syarikat, maklumat atau jawatan anda di Syarikat dengan cara yang bukan semata-mata untuk manfaat Syarikat.

### PENGGABUNGAN LUAR DAN KEPENTINGAN KEWANGAN

Anda harus memastikan bahawa hubungan, aktiviti dan kepentingan kewangan peribadi anda tidak bercanggah dengan kewajipan anda untuk bertindak mengikut kepentingan terbaik Syarikat.

Pekerja tidak boleh memegang Kepentingan Kewangan yang Besar dalam syarikat pesaing atau pembekal Booking Holdings.



**Kepentingan Kewangan yang Besar ialah kepentingan kewangan yang:**

- Mengganggu kebolehan anda melakukan kerja dan tugas anda
- Berkonflik dengan kepentingan Syarikat
- Mempengaruhi kebolehan anda untuk bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat
- Berisiko memudaratkan perniagaan atau reputasi Syarikat

Jika anda berasa anda mungkin memegang Kepentingan Kewangan yang Besar dalam syarikat pembekal atau pesaing Booking Holdings, anda wajib melengkapkan Borang Pendedahan Konflik Kepentingan. Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan tentang perkara yang membentuk Kepentingan Kewangan yang Besar, sila hubungi Pegawai Pematuhan & Etika anda.

Selain itu, para pekerja tidak boleh berkhidmat dalam lembaga pengarah yang mengurus atau menyelia (atau pihak berkuasa atau badan yang serupa) bagi mana-mana organisasi yang membekalkan barang atau perkhidmatan kepada Syarikat atau bersaing dengan Syarikat, melainkan mereka mendapatkan kelulusan Pegawai Pematuhan & Etika Global atau Ketua Pegawai Undang-undang.

## HUBUNGAN KELUARGA DAN PERIBADI

Anda mesti mengelakkan situasi yang hubungan keluarga atau peribadi bercanggah, atau kelihatan bercanggah dengan kewajipan anda untuk bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat pada setiap masa. Hubungan peribadi tertentu boleh:

- Mengganggu kebebasan para pekerja membuat pertimbangan
- Mewujudkan masalah semangat pekerja
- Membawa kepada tuntutan konflik kepentingan atau gangguan seksual
- Mewujudkan tanggapan ketidakwajaran
- Mengakibatkan pilih kasih atau nepotisme

**Syarikat menghendaki para pekerja akan mengambil tanggungjawab peribadi untuk memastikan yang mereka tidak terlibat dalam hubungan yang boleh mengganggu atau memberikan kesan negatif kepada tempat kerja.**

Pekerja **tidak boleh** terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam mana-mana pengurusan jaluran atau mempunyai keupayaan untuk menyemak atau mempengaruhi status pekerjaan, penilaian pekerjaan, gaji atau manfaat atau apa-apa keadaan kerja lain, mana-mana individu yang anda mempunyai jalinan hubungan peribadi.

## AMBIL PERHATIAN

"Hubungan peribadi" bagi tujuan Tatakelakuan ini ialah hubungan yang dijalankan melampaui hubungan profesional. Hubungan peribadi termasuk:

- Keluarga atau hubungan kekeluargaan (adik-beradik, ibu bapa/ anak, suami/isteri, pasangan de facto, pasangan, sepupu, anak saudara lelaki, anak saudara perempuan, mak cik, pak cik, nenek, datuk, cucu atau hubungan disebabkan oleh perkahwinan seperti abang atau kakak ipar);
- Hubungan romantik dan/atau seksual
- Persahabatan atau hubungan peribadi lain yang rapat

Anda tidak seharusnya mengambil bahagian atau berusaha untuk mempengaruhi mana-mana keputusan yang berkaitan dengan perniagaan Syarikat dengan keluarga, rakan dan saudara-mara yang rapat. Syarikat memilih semua vendor, pembekal dan rakan kongsi perniagaan serta membuat semua keputusan pekerjaan, berdasarkan kelayakan calon dan bukannya berdasarkan apa-apa hubungan keluarga atau hubungan peribadi.

Para pekerja tidak boleh memperoleh apa-apa manfaat yang tidak wajar daripada urus niaga perniagaan Syarikat dengan sesiapa sahaja yang mempunyai hubungan peribadi dengannya yang disebabkan oleh kedudukan mereka dengan Syarikat.

**Hubungan romantik atau seksual antara ahli kakitangan yang melibatkan seorang individu mempunyai pengaruh terhadap status pekerjaan pihak yang satu lagi adalah tidak wajar. Walaupun jika hubungan ini adalah suka sama suka, hubungan sedemikian boleh menyebabkan konflik atau kesukaran di tempat kerja yang mempengaruhi kepentingan sah Booking Holdings. Jika hubungan sebegini wujud atau terbentuk, hubungan ini mestilah didedahkan.**

Penyelia atau ahli kakitangan yang mempunyai pengaruh atau kawalan terhadap syarat pengambilan bekerja pihak yang satu lagi mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan hubungan tersebut kepada ketua jabatan atau pentadbir tahap seterusnya, Sumber Manusia atau jabatan Pematuhan (mengikut prosedur syarikat jenama anda). Ahli kakitangan lain yang terlibat dalam hubungan ini digalakkan untuk mendedahkan hubungan kepada sama ada pentadbir tahap seterusnya, Sumber Manusia atau jabatan Pematuhan (mengikut prosedur syarikat jenama anda).

Walaupun kedua-dua pekerja yang terlibat dalam hubungan romantik atau seksual yang konsensual mempunyai bertanggungjawab individu untuk mendedahkan hal ini, namun kegagalan penyelia untuk melaporkan hubungan tersebut akan dianggap pengurusan yang sangat tidak cekap di tempat kerjanya dan menjadi sebab untuk tindakan disiplin sewajarnya.

Sila rujuk [Dasar Hubungan Peribadi di Tempat Kerja](#) untuk panduan selanjutnya tentang topik ini.

## THE RIGHT RESULTS THE RIGHT WAY

**Para pekerja harus mengelakkan hubungan, pelaburan dan peluang yang kepentingan peribadi bercanggah dengan kepentingan terbaik Syarikat. Jika anda mendapati sukar untuk membuat keputusan perniagaan yang adil dan saksama bagi pihak Syarikat kerana kepentingan peribadi yang bersaing, anda hendaklah hendaklah merujuk kepada pengurus anda, ahli Bahagian Sumber Manusia dan/atau Pegawai Pematuhan & Etika bagi menangani situasi tersebut dengan segera.**

Akhir sekali, penting untuk memahami bahawa tatkala keadaan berubah, suatu situasi yang sebelum ini tidak menimbulkan konflik kepentingan mungkin akan juga menimbulkan konflik di kemudian hari. Anda bertanggungjawab untuk menyuarakan mana-mana situasi yang mungkin mengandungi konflik kepentingan sebenar atau kemungkinan, ataupun yang mengandungi tanggapan berlakunya konflik kepentingan.

Jika anda sedar tentang situasi yang mungkin menyebabkan konflik kepentingan, sila lengkapkan [Borang Pendedahan Konflik Kepentingan](#) mengikut prosedur syarikat jenama anda. Dalam kebanyakan kes, konflik boleh diselesaikan atau diatasi menerusi langkah dan/atau kawalan yang mudah.

### AKTIVITI POLITIK DAN KEBAJIKAN

Para pekerja bebas untuk menyertai proses politik dan aktiviti kebajikan. Walau bagaimanapun, anda mesti berbuat demikian dalam masa dan sumber anda sendiri melainkan anda menyertai aktiviti yang ditaja atau dibenarkan oleh syarikat. Penggunaan harta, peralatan atau masa Syarikat untuk aktiviti peribadi adalah tidak wajar. Tambahan pula, para pekerja mesti menyertai aktiviti politik atau kebajikan sebagai rakyat biasa dan bukan sebagai wakil majikan mereka.

Syarikat boleh terlibat dalam isu dasar awam yang berkaitan dengan kepentingan Syarikat dan mungkin boleh, dengan kelulusan Lembaga Pengarah atau orang yang dilantiknya, membuat sumbangan politik dan kebajikan seperti yang dibenarkan oleh undang-undang dan dasar dalaman kita.

Kita mematuhi semua undang-undang melobi dan mungkin akan melibatkan para pekerja atau pelobi profesional untuk bekerja dengan pegawai kerajaan bagi pihak kita. Syarikat melarang penyertaan dalam sebarang aktiviti melobi bagi pihak Booking Holdings tanpa kebenaran khusus daripada Ketua Pegawai Undang-undang Syarikat.

# PERSAINGAN ADIL DAN ANTITRUST

10,000 liga di bawah laut! #underthesea #familyvacay #familyfun

VIRGIN GORDA, KEPULAUAN VIRGIN BRITISH



## PERSAINGAN ADIL DAN ANTITRUST


Kami yakin bahawa persaingan yang jujur dan adil adalah bagus untuk pelanggan kita dan peserta pasaran lain serta menonjolkan yang terbaik dalam diri kita semua, termasuklah pesaing kita. **Kita komited untuk bersaing dengan adil dan jujur di pasaran.**

Aktiviti perniagaan kita adalah tertakluk pada undang-undang persaingan dalam kebanyakan negara di seluruh dunia. Undang-undang ini bertujuan untuk menggalakkan persaingan yang adil dengan mencegah aktiviti yang secara tidak munasabah menyekat atau menghalang persaingan. Undang-undang persaingan dikenakan kepada banyak aspek perniagaan kita, termasuk jualan, pemasaran, perolehan, kontrak dan penggabungan dan pengambilalihan. Undang-undang ini secara khususnya melarang atau menyekat perjanjian antipersaingan atau pengaturan untuk:

- ↗ Menetapkan, menyelaras atau mengawal harga
- ↗ Memudahkan pakatan sulit dalam bidaan atau penipuan dalam bidaan
- ↗ Mengehadkan persaingan terhadap peserta lain dalam pasaran
- ↗ Berkongsi maklumat dengan pesaing tentang harga, keuntungan atau margin keuntungan
- ↗ Membahagikan atau memperuntukkan pasaran, kawasan atau pelanggan
- ↗ Pertukaran atau perkongsian maklumat yang belum diterbitkan berkaitan dengan harga atau apa-apa maklumat persaingan lain dengan pesaing

Walaupun undang-undang persaingan ini adalah jelas dan mudah, penggunaannya untuk situasi tertentu boleh menjadi agak rumit. Dalam banyak bidang kuasa termasuk AS dan EU., pelanggaran undang-undang persaingan boleh menyebabkan denda sivil yang berat dan bayaran kerugian serta denda dan hukuman penjara kepada individu dalam prosiding jenayah. Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan tentang cara undang-undang antitrust dan persaingan digunakan dalam situasi tertentu, sila rujuk [Dasar & Garis Panduan Persaingan Global](#), dan dapatkan nasihat daripada Jabatan Undang-undang sebelum mengambil tindakan.





# PERDAGANGAN ANTARABANGSA

*Andiamo! #railwayheart #stazione #trainspotting*

STesen Kereta Api Roma Termini, Itali

## PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Disebabkan oleh sifat perniagaan antarabangsa Booking Holdings, kita tertakluk pada undang-undang dan adat banyak negara tempat kita beroperasi. Oleh yang demikian, kita bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua undang-undang yang berkenaan di negara-negara tersebut. Hubungi Jabatan Undang-undang tempatan anda dengan segera jika undang-undang tempatan kelihatan seperti bercanggah dengan prinsip dalam Tatakelakuan ini atau dengan undang-undang negara di tempat anda atau syarikat jenama anda beribu pejabat.

## NEGARA DAN PIHAK YANG DISEKAT

Kita komited dalam mematuhi embargo dan sekatan perdagangan yang berkaitan, termasuk larangan yang dikekalkan oleh AS, EU, PBB, Belanda, Singapura dan UK (atau undang-undang lain yang berkenaan). Undang-undang ini tidak membenarkan urus niaga dengan negara, kerajaan, perniagaan dan individu yang dilarang.

Di bawah undang-undang ini, isu mungkin timbul dalam hubungan kita dengan vendor, pembekal dan rakan kongsi perniagaan serta pelanggan lain. Kita mengekalkan garis panduan dalaman berkenaan aktiviti yang dibenarkan dalam pelbagai negara yang tertakluk pada sekatan. Untuk mendapatkan panduan lanjut berkenaan perkara ini, anda perlu merujuk kepada Jabatan Undang-undang anda, Pegawai Pematuhan & Etika Global atau [Dasar Sekatan Global](#).

## IMPORT, EKSPORT DAN BOIKOT

Jika peranan anda melibatkan penghantaran atau penerimaan barang seperti peralatan teknologi maklumat, perisian, bahan promosi atau peralatan lain yang merentasi sempadan negara, anda mempunyai kewajipan untuk belajar dan memahami undang-undang import dan eksport yang berkenaan (khususnya berkenaan barangan dwiguna/ketenteraan). Undang-undang ini dikenakan kepada pemindahan dalam dan antara syarikat jenama Booking Holdings dan juga pemindahan dengan pihak ketiga seperti vendor, pemberi lesen dan pembekal. Syarikat dan individu yang melanggar kawalan eksport atau undang-undang import boleh dikenakan penalti sivil dan/atau hukuman jenayah yang berat. Hubungi Jabatan Undang-undang atau Jabatan Pematuhan & Etika anda jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan berkenaan hal atau isu import dan eksport.

Anda juga mestilah mengelak daripada bersetuju untuk menyertai sebarang boikot yang menyalahi undang-undang atau tidak dibenarkan bagi negara, kerajaan, perniagaan dan individu tertentu. Jika anda diminta menyertai atau bersetuju untuk memboikot, hubungi Jabatan Undang-undang atau Pegawai Pematuhan & Etika Global anda.

## THE RIGHT RESULTS THE RIGHT WAY

Pelanggaran terhadap mana-mana sekatan perdagangan boleh menyebabkan hukuman sivil yang berat dan anugerah kerosakan, serta denda dan hukuman penjara dalam prosiding jenayah untuk mana-mana pekerja, pegawai dan pengarah yang terlibat.

Undang-undang perdagangan antarabangsa boleh menjadi rumit dan sukar untuk difahami. Jika anda bekerja di jabatan yang berurusan dengan perkara ini, anda mesti merujuk Jabatan Undang-undang anda sebelum membuat keputusan yang boleh melanggar undang-undang antarabangsa atau undang-undang Amerika Syarikat yang mengawal selia perniagaan antarabangsa.

Sekiranya anda tidak pasti, bertanya sebelum bertindak!



# PERDAGANGAN ORANG DALAM

Inilah tempat sempurna bagi saya #dogsleddingadventure #alaskamalamute #winterwonderland

KERETA LUNCUR SALJI ANJING, KANADA

## PERDAGANGAN ORANG DALAM

Kita melarang perdagangan orang dalam sekeras-kerasnya. Undang-undang bagi perdagangan orang dalam melarang individu daripada membeli saham syarikat ataupun mendapat keuntungan, semasa memiliki bahan maklumat bukan awam tentang syarikat itu. Undang-undang tersebut juga melarang pendedahan bahan maklumat bukan awam kepada orang lain ("memberikan maklumat") yang kemudiannya dia melakukan perdagangan ataupun mendapat keuntungan daripada pendedahan itu. Pemberian maklumat termasuklah mengesyorkan orang lain untuk berdagang semasa anda memiliki maklumat bukan awam yang penting, walaupun maklumat bukan awam yang penting di dasarnya itu tidak didekahkan.

Para pekerja kita mesti berhati-hati dan jangan sekali-kali memperdagangkan saham Booking Holdings secara langsung atau tidak langsung, atau saham syarikat awam lain yang didagangkan berdasarkan maklumat sulit atau maklumat bukan awam. Selain itu, anda tidak seharusnya mendedahkan ataupun menyampaikan maklumat sulit Syarikat yang mungkin berada dalam pemilikan anda, melainkan anda dibenarkan untuk berbuat demikian.



Bahan maklumat termasuk maklumat yang mempunyai atau berkemungkinan untuk mempunyai kesan yang ketara terhadap harga saham. Maklumat juga dianggap penting jika kemungkinan besar bahawa individu yang berfikiran waras akan mempertimbangkannya sebagai penting dalam membuat keputusan pelaburan, termasuklah:

- Maklumat sensitif harga
- Maklumat sensitif perniagaan
- Maklumat sensitif persaingan
- Keputusan kewangan yang tidak diumumkan
- Kontrak baharu atau kehilangan kontrak penting
- Perubahan besar dalam pengurusan
- Penyiasatan kerajaan (termasuk serbuan waktu fajar)
- Bahan tuntutan mahkamah yang belum selesai atau bahan penyelesaian undang-undang
- Kemungkinan penggabungan, pengambilalihan atau penjualan aset
- Produk atau penawaran baharu yang penting

Pertaruhan dalam bahagian ini adalah tinggi, dengan kemungkinan ketidakpatuhan yang menyebabkan denda yang tinggi dan hukuman penjara, serta disiplin Syarikat (yang boleh termasuk pemecatan). Rujuk Jabatan Undang-undang anda jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan dalam bahagian ini dan sentiasa rujuk [Dasar Perdagangan Orang Dalam](#) sebelum membeli atau menjual cagaran Booking Holdings.



# PRIVASI DAN KESELAMATAN DATA

Hari ini menceriakan. #cafeparisien #sundaymorningmood

KAFE, PARIS

## PRIVASI DAN KESELAMATAN DATA

Kita mengumpulkan dan memproses jutaan contoh maklumat peribadi pelanggan, termasuk nama, maklumat kad kredit, alamat e-mel dan jadual perjalanan. Pelanggan kita memberikan maklumat peribadi mereka kepada kita dengan jangkaan bahawa kita akan melindungi maklumat mereka dengan sewajarnya daripada penyalahgunaan dan/atau pemprosesan yang tidak dibenarkan. Oleh itu, Syarikat mengikuti undang-undang privasi dan keselamatan data yang berkenaan dan [Dasar Perlindungan Data Peribadi](#) dan [Dasar Keselamatan Data](#) semasa mengumpulkan, memproses dan mengendalikan maklumat peribadi pelanggan, pekerja dan pihak ketiga. Para pekerja mestilah mengekalkan privasi, keselamatan dan kerahsiaan semua maklumat yang diamanahkan kepada mereka pada setiap masa, kecuali apabila pendedahan adalah dibenarkan atau diberikan mandat secara sah. Selain itu, para pekerja mestilah:

- Hanya mengumpul data yang diperlukan untuk aktiviti perniagaan tertentu
- Mengakses maklumat peribadi untuk tujuan perniagaan yang sah sahaja
- Menyimpan dan membuang maklumat peribadi serta data sensitif yang lain dengan cara yang selamat
- Menghantar maklumat peribadi (dengan selamat melalui penyulitan bagi risiko yang berkemungkinan) hanya kepada pihak diizinkan yang wajib menggunakan hanya untuk tujuan yang dinyatakan dan untuk melindungi kerahsiaannya
- Melaporkan apa-apa insiden atau risiko keselamatan data yang berkemungkinan serta-merta kepada Pegawai Privasi Jenama mereka

## PRINSIP PRIVASI KITA

- 1 KETELUSAN.** Kita telus tentang amalan data kita.
- 2 PRIVASI TERBENAM.** Kita merangkumkan privasi dalam produk kita dari mula hingga akhir.
- 3 KAWALAN.** Kita memastikan kawalan adalah pada individu agar mereka mempunyai pilihan dan akses kepada maklumat mereka.


- 4 KESELAMATAN.** Kita melindungi data peribadi.
- 5 TUJUAN.** Kita hanya mengumpul maklumat yang kita perlukan dan menggunakan Data Peribadi untuk memproses data anda mengikut amalan data kita yang didedahkan.
- 6 KEBERTANGGUNGJAWAPAN.** Kita bertanggungjawab dan melakukan perkara yang betul dengan data peribadi.

## MELINDUNGI MAKLUMAT PERIBADI PARA PEKERJA

Kita melakukan usaha yang dipertimbangkan dan yang bersepudu untuk mengekalkan privasi dan keselamatan PI para pekerja kita.

Para pekerja yang mempunyai akses, atau bekerja dengan, PI para rakan sekerja kita mempunyai tanggungjawab untuk mengendalikan PI itu dengan sewajarnya dan mengambil segala langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk memelihara kerahsiaannya selaras dengan dasar privasi dan keselamatan data kita sendiri.

Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan tentang topik ini atau ingin melaporkan apa-apa kemungkinan insiden keselamatan data, sila rujuk [Dasar Keselamatan Data](#) atau hubungi pengurus, Jabatan Undang-undang dan/atau Pegawai Keselamatan anda.

A vibrant photograph of a woman with curly hair, wearing a striped shirt, smiling broadly. She has festive makeup on her face. In the background, there's a blurred view of a carnival scene with colorful decorations and balloons.

# PERLINDUNGAN ASET SYARIKAT

Meraikan setiap hari! #carnival #colorfullife #carnivalbrasiliero

KARNIVAL, BRAZIL

## PERLINDUNGAN ASET SYARIKAT

Semua pekerja, pegawai dan pengarah harus melindungi aset Syarikat dan memastikan penggunaannya yang cekap. Aset Syarikat termasuk sumber pejabat seperti bekalan pejabat, peralatan (komputer riba, telefon bimbit, dsb.), sistem komunikasi dan kenderaan serta maklumat proprietari, sumber kewangan dan fail, rekod serta dokumen Syarikat.

## ASET FIZIKAL

Para pekerja harus menggunakan aset Syarikat dengan bertanggungjawab dan mengelakkan pembaziran, penyalahgunaan atau kecurian harta Syarikat. Walaupun aset Syarikat adalah untuk tujuan perniagaan yang sah di sisi undang-undang sahaja, Syarikat secara umumnya membenarkan penggunaan peribadi terhad yang sewajarnya kepada pekerja terhadap sumber elektronik termasuk telefon, komputer, sambungan Internet, mel suara dan e-mel.

Jabatan dan lokasi negara tertentu mungkin melaksanakan dasar yang lebih ketat berkenaan penggunaan sumber Syarikat bagi kegunaan peribadi. Oleh itu, sila semak dengan pengurus atau ketua jabatan anda.

Jika penggunaan peribadi terhad dibenarkan dalam jabatan anda, maka penggunaan itu haruslah bersifat ringkas dan kadangkala serta mesti tidak mengganggu kerja atau tanggungjawab anda kepada Syarikat.

Tertakluk pada had undang-undang yang berkenaan, Syarikat berhak untuk memantau dan mengakses komunikasi yang dibuat oleh para pekerja melalui sistem Syarikat.

## MAKLUMAT PROPRIETARI

Kewajipan kita untuk melindungi aset Syarikat termasuk melindungi maklumat proprietari Syarikat. Ini termasuk semua harta intelektual seperti kod perisian, paten, rahsia perdagangan, pelan perniagaan, hak cipta dan tanda dagangan. Maklumat proprietari Syarikat adalah amat sulit dan pelepasan tanpa kebenaran atau pelepasan tidak wajar boleh memberikan impak negatif kepada kejayaan kita pada masa hadapan. Anda tidak boleh mendedahkan maklumat proprietari tanpa kebenaran dan perjanjian kerahsiaan yang sewajarnya daripada Jabatan Undang-undang anda. Kewajipan anda untuk mengekalkan kerahsiaan maklumat proprietari Syarikat berterusan walaupun selepas pekerjaan anda dengan Syarikat tamat.

### AMBIL PERHATIAN

**Anda tidak boleh mendedahkan maklumat proprietari tanpa kebenaran dan perjanjian kerahsiaan yang sewajarnya daripada Jabatan Undang-undang anda.**

## MENGHORMATI HARTA INTELEKTUAL ORANG LAIN

Kita akan menghormati hak harta intelektual pihak ketiga dan tidak akan melanggar dengan sengaja atau menggunakan harta intelektual orang lain dengan tidak wajar.

Dalam kebanyakan kes, sekiranya kita menggunakan harta intelektual orang atau syarikat lain, kita perlu membelinya atau memperoleh lesen untuk menggunakannya. Anda bertanggungjawab untuk menentukan sama ada kita memiliki atau mempunyai hak untuk menggunakan mana-mana harta intelektual yang ingin anda gunakan. Jika anda tidak pasti, bertanya kepada Jabatan Undang-undang anda.

Jika kita mempunyai lesen untuk menggunakan harta intelektual individu atau syarikat lain, anda mesti mematuhi apa-apa batasan yang termasuk dalam lesen dan mana-mana panduan penggunaan atau sekatan lain yang diberikan oleh pemiliknya.

## PENGURUSAN REKOD

Setiap seorang daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan dan mengekalkan rekod perniagaan dan komunikasi yang tepat. Pihak Syarikat membuat keputusan perniagaan yang penting berdasarkan rekod yang telah dibuat di seluruh organisasi, dan ketepatannya adalah penting. Contoh lazim rekod perniagaan termasuk:


- Laporan perbelanjaan
- Invois
- Rekod masa
- Laporan kewangan
- Fail kakitangan
- Rancangan perniagaan
- Kontrak
- Senarai pelanggan

Semua rekod perlu dikekalkan dan dimusnahkan mengikut Dasar Penyimpanan Rekod jenama syarikat anda. Jangan sekali-kali memusnahkan rekod untuk menyembunyikan kemungkinan salah laku atau menghalang siasatan.

Sekiranya berlaku pegangan berkaitan litigasi atau siasatan, anda mesti menggantung penghapusan dokumen berkaitan dan merujuk kepada Jabatan Undang-undang anda sebelum mengambil apa-apa tindakan pemusnah berhubung dengan rekod perniagaan yang berkaitan dengan pegangan undang-undang.

Sekiranya anda mempunyai soalan tentang pengendalian dan pelupusan rekod Syarikat dengan wajar, anda perlu merujuk kepada pengurus, atau Jabatan Undang-undang anda.



A photograph of two women laughing joyfully on a beach. The woman on the left has short grey hair and wears glasses, an orange hooded jacket, and a white face mask. The woman on the right wears a green hooded jacket and a white face mask. They are both smiling broadly. The background shows a blurred view of the ocean and sky.

# URUS NIAGA ADIL

Ambil masa untuk kami sampai ke sini, tetapi perjalanan ini berbaloi. #seasideview #naturewalk

**BERSIAR-SIAR DI TEPI PANTAI, SWEDEN**

## URUS NIAGA ADIL

Kita tidak mencari kelebihan bersaing melalui amalan perniagaan yang tidak sah atau tidak beretika. Kita harus berusaha untuk berurus niaga secara adil dengan pelanggan, penyedia perkhidmatan, pembekal, pesaing kita dan pekerja syarikat jenama yang lain. Kita tidak seharusnya mengambil kesempatan yang tidak adil terhadap sesiapa pun melalui manipulasi, penipuan, penyembunyian, penyalahgunaan maklumat keistimewaan atau memberikan kenyataan yang salah tentang fakta penting.

Hubungan kita dengan pelanggan adalah berdasarkan rasa saling menghormati dan komitmen kita untuk memberikan maklumat yang jujur dan telus tentang perkhidmatan yang kita sediakan. Kita memastikan agar maklumat dalam pengiklanan, pemasaran dan bahan promosi lain sentiasa tepat dan tidak mengelirukan atau menipu orang lain.

Mengetahui tentang pesaing kita merupakan amalan perniagaan yang baik, tetapi hendaklah dilakukan dengan adil, berdasarkan maklumat yang tersedia secara umum seperti laporan berita dan tinjauan industri serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan di AS dan di luar negara. Maklumat kompetitif bukan umum boleh termasuk maklumat tentang produk, perkhidmatan, pasaran, harga, rahsia dagangan atau pelan perniagaan pesaing.

Kita turut boleh mengetahui maklumat persaingan dengan cara yang betul daripada orang lain (kecuali mereka dilarang daripada berkongsi maklumat tersebut) dengan membeli maklumat tersebut atau memperoleh lesen untuk menggunakan.

### Jangan sekali-kali mendapatkan atau menggunakan:

- Maklumat yang diperoleh melalui cara tidak beretika termasuk mencuri dengar atau menerima e-mel tanpa niat daripada atau tentang pihak ketiga
- Maklumat proprietari orang lain
- Maklumat yang diperoleh sebagai pertukaran dengan pampasan, pertimbangan pekerjaan, hadiah atau apa-apa perkara atau barang yang bernilai
- Maklumat bukan awam tentang bekas majikan yang diperoleh daripada pekerja baharu
- Maklumat yang mengandungi data teknikal atau kejuruteraan yang mungkin dilindungi oleh undang-undang rahsia perniagaan





# MEDIA SOSIAL DAN KOMUNIKASI AWAM

*Ucapan helo dan selamat tinggal di lapangan terbang. #travelgram #airportlife*

KELUARGA, LAPANGAN TERBANG

## MEDIA SOSIAL

Para pekerja mestilah menggunakan pertimbangan yang wajar apabila menyiaran komen berkaitan Syarikat di mana-mana di Internet, termasuk blog, media sosial dan laman rangkaian yang diguna oleh orang ramai seperti Facebook dan LinkedIn. Secara umumnya, anda tidak boleh mendedahkan hal ehwal Syarikat dalam blog atau penyiaran media sosial melainkan jika anda ialah jurucakap rasmi Syarikat. Jika anda dibenarkan memberikan komen, seharusnya komen itu tidak keterlaluan dan tidak termasuk kandungan yang kesat, merendahkan martabat atau mempunyai kandungan yang memalukan. Siaran anda tidak boleh mendedahkan maklumat proprietari atau sulit seperti prestasi Syarikat, pelan perniagaan, penentuan harga, dll.

## KEGUNAAN PERIBADI

Oleh sebab kami menghormati hak privasi para pekerja, kami biasanya tidak mengambil tahu tentang perkara yang dilakukan pekerja di luar waktu kerja, melainkan hal itu mengurangkan prestasi kerja atau mengancam reputasi kita atau kepentingan perniagaan Syarikat yang sah.



Anda harus berhati-hati terutamanya apabila menyertai perbualan dalam talian yang merujuk pada Booking Holdings atau syarikat jenama anda dan membuat siaran menggunakan peralatan Syarikat atau melalui rangkaian Syarikat. Ketahuilah bahawa dengan mempunyai pendirian awam dalam talian yang bertentangan dengan kepentingan Syarikat boleh menyebabkan konflik dan boleh dikenakan tindakan disiplin.

Walaupun kita semua berhak untuk menyuarakan pandangan dan pendapat, anda bertanggungjawab secara peribadi ke atas komen awam yang anda siarkan di Internet. Berdasarkan undang-undang yang berkaitan, Syarikat boleh memantau media sosial dan laman Internet lain untuk memastikan bahawa siaran tidak memberikan gambaran buruk kepada Syarikat atau menjasaskan reputasinya.

Sila rujuk [Dasar Media Sosial](#) untuk mendapatkan butiran lanjut dan sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan tentang topik tersebut.

## KOMUNIKASI DENGAN ORANG AWAM, PELABUR DAN MEDIA

Kita telah melantik jurucakap tertentu untuk bercakap bagi pihak Syarikat. Para pekerja yang tiada kebenaran mesti mengelakkan diri daripada berbuat demikian. Semua pertanyaan, soalan media dan permintaan untuk mengadakan temu bual harus dirujuk dengan segera kepada pasukan Perhubungan Awam syarikat jenama anda atau Jabatan Undang-undang anda. Untuk mendapatkan butiran lanjut, sila rujuk [Dasar & Garis Panduan Komunikasi Korporat](#).

A photograph of a diverse group of friends at an outdoor cafe in Belgium. A woman with large hoop earrings and a man are smiling and looking upwards. Several hands are holding up glasses of beer in a toast. The background shows a blurred view of the cafe's interior and city street.

# RUMUSAN

Hari bersiar-siar yang berjaya! #belgiumtrip #livetotravel


KAFE, BELGIUM

AIR MAIL  
PAR AVION

Kita mesti berusaha untuk memastikan pematuhan secara tersurat dan tersirat terhadap Tatakelakuan ini.

Kita mesti bekerjasama untuk menggalakkan kelakuan yang beretika dan tidak melanggar undang-undang serta untuk memastikan bahawa kita sentiasa mencapai *Hasil yang Diingini dengan Cara yang Betul*. Oleh itu, kita mesti berusaha untuk memastikan pematuhan secara tersurat dan tersirat terhadap Tatakelakuan ini. Sentiasa ingat untuk:

- Merujuk sumber Syarikat, seperti [Buku Panduan Pekerja](#) dan [Dasar lain](#) anda
- [Melaporkan](#) pelanggaran undang-undang dan Tatakelakuan yang disyaki dengan segera
- Menggalakkan rakan sekerta untuk bersikap komited dalam standard etika yang tinggi
- **Apabila berasa ragu-ragu, bertanya sebelum bertindak!**



## PENGECUALIAN/KONFLIK DENGAN DASAR LAIN

Mungkin terdapat keadaan yang jarang berlaku dan tidak diduga apabila pengecualian mesti dilakukan terhadap peruntukan Tatakelakuan ini. Dalam keadaan terhad yang sedemikian, hanya Lembaga Pengarah yang boleh menepikan peruntukan Tatakelakuan ini. Pihak Syarikat akan mendedahkan dengan segera mana-mana pengecualian sedemikian seperti yang diperlukan oleh undang-undang.

Sekiranya berlaku konflik antara peruntukan Tatakelakuan dengan peruntukan yang terkandung dalam dasar Syarikat yang lain (termasuk Buku Panduan Pekerja anda), peruntukan dan prinsip yang terkandung dalam Tatakelakuan tetap akan mengatasi yang lain. Sekiranya berlaku konflik yang sedemikian, Jabatan Undang-undang dan/atau Pegawai Pematuhan & Etika tempatan anda diberikan hak kuasa yang utama untuk mentafsirkan cara Tatakelakuan ini digunakan ke atas situasi tersebut, bermula dengan semakan dari Pegawai Pematuhan & Etika Global dan/atau Ketua Pegawai Undang-undang. Kuasa muktamad untuk mentafsirkan Tatakelakuan terletak pada Lembaga Pengarah Booking Holdings.

Tatakelakuan ini tidak memberikan apa-apa hak, kontrak atau sebaliknya, kepada mana-mana pihak ketiga. Peruntukan Tatakelakuan tertakluk pada semakan, bahagian tambahan, perubahan atau pemindaian pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh pihak Syarikat dan mengikut undang-undang yang berkenaan.

Tatakelakuan ini telah dikemaskinikan pada 03 Mac 2023.



**BOOKING** HOLDINGS

B. P. Q. E. K. O.